

Kelab komedi digantung operasi tiada lesen hiburan

Berita Harian, 14/7/22 (Khamis), m/s: 14

Jelebu: Kelab Komedi Crack House di Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Kuala Lumpur yang digantung sementara operasi oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 10 Julai lalu didapati tidak mempunyai lesen hiburan sejak 2014 hingga 2017.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata pemilik premis itu hanya diberikan lesen restoran dan minuman keras tetapi tiada lesen hiburan.

Katanya, setiap premis yang menjalankan perniagaan resto-

ran dan operasi berbentuk hiburan perlu memiliki dua lesen yaitu lesen restoran dan hiburan.

“Pemilik kelab memohon lesen hiburan, tetapi tidak diuluskan kerana dalam lesen hiburan terdapat beberapa syarat tertentu dikenakan sebagai contoh laporan bomba, syarat aktiviti hiburan yang hendak diadakan, kita tidak boleh beri persetujuan menyeluruh kepada setiap hiburan.

“Sudah beberapa kali dijelaskan, kerajaan dan DBKL tidak akan berkompromi dalam apa

juga isu sensitif membabitkan semua agama, kaum dan bangsa Keluarga Malaysia.

Berikutan itu, kelab berkenaan digantung operasi dan DBKL akan mengeluarkan surat tunjuk sebab mengapa penutupan kelab terbabit tidak boleh diam-

Beliau berkata demikian selepas program korban bersempena

Aidiladha bersama masyarakat Parlimen Jelevu dan agensi kerajaan di Simpang Pertang, di sini, semalam.

Katanya, pemilik premis diberi tempoh 14 hari mengemukakan rayuan sebelum jawatankuasa pelesenan DBKL bersidang, meneliti serta menyiasat perkara itu dan penggantungan lesen boleh dilakukan hingga tempoh maksimum 30 hari sehingga keputusan dibuat.

Sementara itu, Jalaluddin berkata, pihaknya turut menerima laporan berkaitan seorang

individu yang didakwa sebagai pemilik premis itu yang mempermainkan serta memperlekehkan bangsa Melayu menerusi video tular persembahan di premis berkenaan.

"Saya sudah minta pihak penguat kuasa supaya melakukan siasatan terperinci mengenai perkara ini, sekiranya benar ia menyalahi syarat lesen yang dikeluarkan, tidak mustahil pihak penguat kuasa pelesenan DBKL mengambil tindakan lebih tegas yang boleh membawa kepada penutupan kelab," katanya.

lokal

Kuala Lumpur: Warga Wilayah Persekutuan berpeluang berbelanja barangan keperluan asas termasuk ayam dan telur ayam pada harga lebih rendah daripada harga siling ditetapkan melalui Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah yang berlangsung enam bulan bermula hari ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, program yang menawarkan barangan asas lain seperti ikan, sayur-sayuran dan

Ayam, telur dijual murah pada Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah

makanan kering itu akan dilaksanakan di setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu negara bermula hari ini di PA Sri Johor di sini, memabatkan peruntukan berjumlah RM3.48 juta.

Sementara di Labuan, jualan akan dilaksanakan di kedai terpilih, katanya.

"Setiap penerima manfaat mesti terdiri daripada warganegara Malaysia. Mereka dapat menikmati pembelian seekor ayam dengan kadar subsidi RM3 seekor serta dapat berjimat 50 sen apabila membeli 10 biji telur ayam Gred B.

"Melalui program ini, setiap isi rumah dapat men-

jimatkan kos perbelanjaan barangan dapur hingga 14.29 peratus bagi setiap pembelian satu ekor ayam dan 10 biji telur," katanya dalam kenyataan, semalam.

Shahidan berkata, kira-kira 147,000 penduduk di 61 PPR dan PA di Kuala Lumpur serta 19,000 penduduk

daripada kumpulan B40 di Labuan bakal menerima manfaat menerusi program itu.

Di Kuala Lumpur, katanya, jualan masih berkonsepkan MyGrocer@Wilayah iaitu penjualan barangan keperluan asas dan makanan kering secara terus daripada pembekal ke kawa-

san perumahan manakala di Labuan, Program Jualan Rakyat itu akan dilaksanakan melalui peruncit yang dikenal pasti Perbadanan Labuan.

Beliau berkata, inisiatif itu juga antara usaha kerajaan membantu meredakan beban ekonomi Keluarga Malaysia serta mengurangkan kesan inflasi.

"Semoga pelaksanaan program ini dapat meredakan beban kos sara hidup terutama dalam kalangan B40 di Wilayah Persekutuan," katanya.

Kosmo • 14/7/22 (Khamis) • m/s: 14



HARGA istimewa itu ditawarkan menerusi Program Jualan Rakyat Mygrocer@Wilayah hari ini.

Program ini ditawarkan selama enam bulan

Diskaun RM3 beli ayam di KL, Labuan

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan akan menikmati tawaran ayam segar dengan diskaun RM3 seekor selain menikmati potongan 50 sen dengan setiap pembelian 10 biji telur ayam gred B.

Itu antara harga menarik barangan keperluan yang ditawarkan menerusi Program Jualan Rakyat Mygrocer@Wilayah yang akan dilancarkan hari ini

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, program selama enam bulan itu dianjurkan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, Program Jua-

lan Rakyat Mygrocer@Wilayah menawarkan barangan keperluan asas seperti ayam, ikan, sayur-sayuran dan barangan makanan kering pada harga lebih rendah daripada harga siling ditetapkan kerajaan.

“Program ini memfokuskan kepada jualan barangan sumber protein utama bersubsidi iaitu ayam dan telur ayam agar rakyat dapat berbelanja pada harga yang lebih rendah.

“Program ini akan dilaksanakan di setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, manakala di kedai-kedai yang dikenal pasti di Labuan melibatkan peruntukan berjumlah RM3.48 juta,” katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Katanya, program itu akan di-

lancarkan hari ini di PA Sri Johor, Kuala Lumpur.

Shahidan berkata, lebih 147,000 penduduk di 61 buah PPR dan PA di Kuala Lumpur serta 19,000 penduduk dari kumpulan B40 di Labuan bakal menerima manfaat menerusi program ini.

Menurutnya, setiap penerima manfaat mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja.

“Malah, melalui program ini, setiap isi rumah dapat menjimatkan kos perbelanjaan barangan dapur sehingga 14.29 peratus bagi setiap pembelian satu ekor ayam dan 10 biji telur,” ujarnya.

Katanya, kerajaan serta Kementerian Wilayah Persekutuan komited mencari pelbagai kaedah untuk meringankan beban ekonomi Keluarga Malaysia dan mengurangkan kesan inflasi kepada rakyat secara umumnya.

Sinar Harian, 14/7/22 (Khamis) - m/6:13

Kelab 'komedi' hanya ada lesen restoran, bukan hiburan

JELEBU - Sebuah kelab di Kuala Lumpur yang digantung sementara operasinya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 10 Julai lepas didapati tidak mempunyai lesen hiburan selaras dengan Seksyen 17 Akta Hiburan 1992.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, pemilik premis tersebut hanya diberikan lesen restoran dan minuman keras tetapi tiada lesen hiburan.



JALALUDDIN

Menurut beliau, setiap premis yang menjalankan perniagaan restoran dan operasi berbentuk hiburan perlu memiliki dua lesen tersebut.

"Pemilik kelab memohon lesen hiburan tetapi tidak diluluskan kerana dalam lesen hiburan terdapat beberapa syarat tertentu dikenakan sebagai contoh laporan bomba, syarat aktiviti hiburan yang hendak diadakan, kita tidak boleh beri persetujuan menyeluruh kepada setiap hiburan.

"Pihak kementerian tidak berkompromi terhadap penyalahgunaan lesen. Premis ini tidak mempunyai lesen hiburan, maka DBKL mengambil tindakan menggantung sementara operasi premis dan restoran ini kerana menyalahgunakan lesen diberikan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada program korban bersempena Aidiladha bersama rakyat Parlimen Jelebu dan agensi kerajaan di Simpang Pertang di sini pada Rabu.

Jalaluddin memberitahu, pemilik premis diberi tempoh 14 hari untuk mengemukakan rayuan sebelum jawatankuasa pelesenan DBKL akan bersidang, meneliti serta menyiasat perkara itu dan penggantungan lesen itu boleh dilakukan hingga tempoh maksimum 30 hari sehingga keputusan dibuat.

Tegas beliau, DBKL tidak berkompromi dalam perkara melibatkan isu sensitif seperti agama dan kaum. - Bernama

KLFA minta DBKL kaji semula isu pajakan

PERSATUAN Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA) mahu isu pajakan penyelenggaraan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras diselesaikan secepat mungkin.

Presiden KLFA, Khalid Samad mendakwa syarikat swasta yang mengambil alih pengurusan stadium itu secara pajakan tidak mampu menangani pelbagai masalah penyelenggaraan.

Malah, Khalid memberitahu, KLFA bersedia mengambil alih demi kepentingan kelab Kuala Lumpur (KL) City FC yang dikatakan tidak mempunyai 'kuasa penuh' untuk menggunakan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur.

"Keadaan lampu limpah masih belum memuaskan dengan pencahayaan hanya 1200 lux sahaja berbanding 1400 lux yang kami mahukan.

"Keadaan padang tak begitu elok sebab digunakan begitu kerap pasukan bola sepak lain kerana pihak syarikat swasta ini nak dapatkan pendapatan, jadi dia sewakan sampai enam tujuh pasukan bermain.

"Kita (KL City) sendiri nak adakan latihan (agak) terhad, kita terpaksa adakan latihan di Padang Pudu Ulu. Pihak swasta dapat pajakan (stadium) ini untuk tujuan komersial semata-mata.

"Mereka akan sewakan se-

banyak mana yang mungkin. Lepas sahaja kita main dengan Tampines Rovers (di Piala AFC), esoknya mereka terus sewakan (padang) kepada pihak lain," katanya dalam sidang akhbar pada Rabu.

Sebelum ini, Khalid telah mendesak stadium berkenaan yang kini diselenggarakan sebuah syarikat swasta diserahkan kepada pihak berkepentingan seperti KLFA atau KL City FC.

"Baja rumput juga ditukar tanpa perbincangan dan kualiti rumput tidak seperti yang dimahukan KLFA. Kami melihat ia lebih kepada nilai komersial dan bukannya penyelenggaraan stadium.

"Akibatnya kami terpaksa melakukan penyelenggaraan sendiri kerana kami dapati ia kurang memuaskan. Kami merayu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kaji semula isu pajakan ini," ujarinya.

Menurut Khalid, beliau sering menerima aduan daripada pengendali KL City FC, Bojan Hodak yang mengeluh kerana tidak dapat menggunakan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur bagi tujuan latihan.

"Bojan sudah banyak kali mengeluh. Saya tak boleh buat apa-apa sebab terlalu banyak kekangan tetapi pasukan masih dapat berikan keputusan yang bagus," jelasnya.



Khalid dalam sidang akhbar di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras pada Rabu.

By MEGAT SYAHAR
metro@thestar.com.my

PUTRAJAYA'S very own Brazilian spinach crisps took centre stage during a community programme organised by its local authority.

The spinach crisps were among other luscious greens plucked straight from the Precinct 16 community garden and turned into snacks.

It was sold in one of 20 booths set up during Putrajaya Corporation's (PPj) "Our community, our showcase" programme to highlight the administrative capital's business products.

Commending the Precinct 16 community's effort, PPj president Fadlun Mak Ujud said he was proud that Putrajaya had its own product.

"If people visit the area, they will go back with something that is officially Putrajaya," he said.

The majority of products sold during the event were affordable clothes suitable for all ages.

"As the number of small businesses grow in Putrajaya, we are planning to extend the area of the neighbourhood centre, in hopes that the booths can have daily operations," Fadlun said when he opened the event.

Apart from the booths, there was a cultural and arts dance to entertain attendees.

Children were also kept entertained by a clown who made balloons for them.

Brazilian spinach crisps steal the show in Putrajaya

Precinct 16 folk commended for snack using home-grown greens

A batik drawing demonstration was also held to promote the handicraft among Putrajaya folk.

Other notable demonstrations were crochet sewing and the correct way to use hair shampoo.

Fadlun also announced another PPj programme which was to ensure Putrajaya's cleanliness was top tier – a *gotong-royong* that was held later that day.

However, Rokiah Abdul Wahab, who ran the Alkifah Heritage booth, hoped that more people could attend the community event.

"I hope more people will drop by to have lunch and some afternoon tea," she said.

Also present at the event were PPj city services vice-president Nik Shukri Nik Soh and PPj community and sports service director Rosli Abdul Talib.

The event that started on June 11 will continue fortnightly on weekends from 7.30am to 3pm.



(From left) Rosli and Nik Shukri presenting a memento to Fadlun at the community event launch.

StarMetro • 14/7/2022 (Thu) • Pg: 5

Commemorative coins, stamps and first-day covers for KL golden jubilee



Shahidan (second from right) with (from left) Bank Negara assistant governor Abd Rahman Abu Bakar, Kuala Lumpur mayor Datuk Seri Mahadi Che Ngah and DBKL secretary-general Datuk Seri Rosida Jaafar as they hold replicas of the commemorative items.

KUALA Lumpur City Hall (DBKL) is releasing a collection of commemorative coins, stamps and first-day covers in conjunction with the Kuala Lumpur Golden Jubilee celebration.

The two coins will be issued in denominations of RM10 and RM1.

Federal Territories Minister Datuk Seri Dr Shahidan Kassim launched the commemorative items at Bank Negara Malaysia's

Sasana Kijang building in Kuala Lumpur.

He said the release date of the coins in conjunction with the national bank had yet to be determined.

The stamps and first-day covers issued in collaboration with Pos Malaysia are on sale, priced at RM38 per set.

Shahidan hoped that through the commemorative items, Kuala Lumpur's progress as a city over

the past 50 years could be better understood and appreciated.

This is the third edition of commemorative coins, stamps and first-day covers launched by DBKL.

The first and second editions took place in 1972 and 1990 respectively during the declaration of Kuala Lumpur as a city as well as the 100th anniversary celebration of DBKL as a local authority. — By CLARISSE SONIA

B40 group in FT can now buy necessities at cheaper prices

The Star

14/7/22

(Thu)

pg. 9

KUALA LUMPUR: Starting today, residents of the Federal Territories have the opportunity to purchase essential items, including chicken and eggs, at prices lower than the ceiling price through the **Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah** programme.

Federal Territories Minister Datuk Seri Dr Shahidan Kassim said the programme, to be held for a period of six months, would be implemented in every people's housing project (PPR) and public housing projects (PA) in the federal capital and selected shops in Labuan.

The programme will kick off at PA Sri Johor here today, involving an allocation of RM3.48mil, he said.

"Each beneficiary must be a Malaysian citizen," he said in a statement.

"They will get to purchase chicken with a RM3 subsidy per bird and save 50sen for 10 grade B eggs.

"Through this programme, every household can save up to 14.29% for each purchase of one chicken and 10 eggs," he said yesterday.

According to Bernama, Shahidan said about 147,000 residents at 61 PPR and PA in Kuala Lumpur and 19,000 B40 residents in Labuan were expected to benefit from the programme.

In Kuala Lumpur, he said essential items and dried food would be brought directly by suppliers to housing areas, while in Labuan, the **Jualan Rakyat** programme would be implemented through retailers who had been identified by the Labuan Corporation.

Shahidan said that the initiative was one of the government's and ministry's efforts to alleviate the economic burden of **Keluarga Malaysia** and reduce the impact of inflation.

"Hopefully, this programme can reduce the cost of living burden, especially among the B40 group in the Federal Territories," he added.

FAM, Maloney 'bercerai'

Kuala Lumpur: 'Jodoh' Brad Maloney bersama Persatuan Bola-sepak Malaysia (FAM) terlerai selepas badan induk itu melepaskan pengendali skuad Bawah 23 tahun (B-23) negara secara persetujuan bersama oleh kedua-dua belah pihak.

Perkembangan itu diumumkan Setiausaha Agung FAM, Mohd Saifuddin Abu Bakar menerusi satu kenyataan, semalam.

Saifudin menjelaskan perkara itu dicapai selepas pengendali berusia 50 tahun itu hadir ke mesyuarat Jawatankuasa Pengu-rasan Pasukan Kebangsaan FAM yang dipengerusikan oleh Presiden FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin di Wisma FAM, Kelana Jaya semalam.

Ia bagi membentangkan laporan prestasi pasukan kendaliannya pada Sukan SEA 2021 di Vietnam, Mei lalu dan Piala Asia B-23 2022 di Uzbekistan, Jun lalu.

"Maloney merakamkan ucapan terima kasih kepada FAM kerana memberi peluang untuk beliau berkhidmat selama lapan tahun sejak 2014 yang mana ia telah banyak membantu dalam meningkatkan karier kejurulatihannya.

"Bermula sebagai penolong jurulatih B-23 kebangsaan kepada Datuk Ong Kim Swee sehinggalah dilantik sebagai ketua jurulatih B-19 kebangsaan pada 2019 dan seterusnya ketua jurulatih B-23 kebangsaan," katanya.

Perlu sediakan pertandingan

Dari muka 48

"Jadi, kita perlu sediakan pertandingan tetapi adakah NFPD yang perlu melakukannya? Pertandingan amat penting untuk membantu mereka berkembang mengikut proses pembangunan yang betul. Tak boleh dari usia 17 tahun terus melompat ke tahap sangat tinggi.

"Tak kisahlah (tahap) amat, liga kampung, liga daerah tetapi platform itu ada ataupun tidak? Persoalan utamanya adakah kita membantu pemain ini untuk terus berkembang bagi menyediakan mereka ke tahap lebih tinggi?," soal Aminuddin.

Dalam perkembangan sama, Aminuddin turut beranggapan tidak wajar untuk NFPD diperalih susulan prestasi hambar yang dilakar skuad Bawah 23 tahun (B-23) dalam tiga pertandingan yang disertai mereka pada tahun ini.

"Kita perlu lihat di mana peranan NFPD iaitu pembangunan peringkat usia tujuh hingga 17 tahun. Kita lihat senarai pemain pun, hanya enam daripada Akademi Mokhtar Dahari (AMD) dan dua orang dari Pusat Latihan Daerah (PLD)," katanya.



Khalid (tengah) bersama-sama Setiausaha Agung Persatuan Bolasepak KL, Nokman Musataffa (kiri) dan Ketua Pegawai Eksekutif KL City FC, Stanley Bernerd pada sidang media di Stadium Kuala Lumpur, Cheras kelmarin.

(Foto Amrudin Sahli / BH)

Juara Piala Malaysia terpaksa 'merempat'

Stadium Bolasepak Kuala Lumpur disewakan untuk tujuan komersial

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Juara Piala Malaysia, KL City FC jelas berdepan situasi yang menyedihkan apabila terpaksa 'merempat' dengan berlatih di padang yang tidak begitu baik.

Perkara itu diakui Presiden

Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA), Khalid Abdul Samad yang sekali lagi mengharapakan supaya Stadium Bolasepak Kuala Lumpur dapat 'dipulangkan' kepada pihak yang berkepentingan demi kemajuan pasukan itu.

Katanya, ketiadaan stadium yang boleh digunakan untuk sesi latihan menyebabkan persiapan pasukan sedikit terjejas, sekali gus mengganggu prestasi pasukan apabila berentap dalam saingan tempatan.

"Keadaan padang tidak begitu elok sebab digunakan begitu kerap oleh pasukan bola sepak lain kerana pihak syarikat swasta ini hendak mendapatkan, jadi

dia sewakan sampai enam tujuh pasukan bermain.

"Kita (KL City) sendiri nak adakan latihan (agak) terhad, kita terpaksa adakan latihan di Padang Pudu Ulu. Pihak swasta dapat pajakan (stadium) ini untuk tujuan komersial semata-mata.

Berlatih di Padang Pudu Ulu

"Tiada stadium pun menimbulkan masalah kerana kita berlatih di Padang Pudu Ulu. Kita dapat mesej daripada Bojan (Hodak) yang mengadu bahawa mereka tidak dapat menjalani latihan di stadium.

"Kita berlatih di atas padang yang keras dan menyebabkan kecederaan pada pemain. Baru

baru ini Paulo (Josue) mengalami kecederaan ringan ketika berlatih tetapi kecederaannya serius apabila diturunkan sehingga terpaksa dikeluarkan.

"Banyak kali juga Bojan mengadu tetapi tiada apa yang boleh saya lakukan kerana terlalu banyak kekangan. Bagaimanapun, pasukan masih memberikan keputusan yang baik," katanya pada sidang media semalam.

Sebagai rekod, Khalid sebelum ini mengesa supaya stadium berkenaan diserahkan semula kepada pihak berkepentingan seperti KLFA, KL City FC ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Piala FA

Azam mahu kecewakan KDA FC lagi

Kuala Terengganu: Beraksi dengan 10 pemain ketika mengekang pergerakan pemain Kedah Darul Aman FC (KDA FC) daripada bergerak bebas pada aksi pusingan kedua Piala FA di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin di Gong Badak, minggu lalu menjadi detik manis buat pemain pertahanan Terengganu FC (TFC), Muhammad Azam Azmi Murad.

Malah pemain muda meningkat naik berusia 21 tahun itu bakaikan tidak percaya dia bersama rakan sepasukannya terutama di barisan pertahanan mampu mengekang asakan bertali arus skuad Kenari yang beraksi dengan 11 pemain selama 40 minit pada babak kedua perlawanan.

Justeru, pertemuan sekali lagi dengan skuad Kenari pada aksi Liga Super di stadium sama esok, bekas murid Sekolah Kebangsaan Tok Jembal, Kuala Nerus itu mahu terus membuktikan kemampuannya bertahan bersama rakan sepasukan.

Bintang skuad muda ke-



bangsaan Bawah 23 Tahun (B-23) itu juga mahu menepis usikan se-setengah peminat yang mendakwa kemenangan tipis 1-0 menundukkan skuad KDA FC pada aksi Piala FA itu adalah kerana faktor nasib.

"Saya juga bakaikan tidak sabar untuk turun dalam perlawanan itu bagi memastikan misi memburu tiga mata dan memintas skuad lawan tidak terlepas begitu sahaja lebih-lebih lagi beraksi di tempat sendiri dengan laungan ribuan penyokong setia," katanya ketika dihubungi semalam.

Pada perlawanan menentang skuad Kenari itu, Muhammad Azam yang bergandingan dengan Shahrul Nizam Ros Hasni, Muhammad Alif Zakaria dan Pape Diakite di posisi pertahanan sebelum Muhammad Hairioy Hakim Mamat dimasukkan selepas Diakite dilayangkan kad merah pada minit ke-50 beraksi cemerlang sehingga dinobatkan pemain terbaik perlawanan.

Liga Super

Esok

Sabah **mln** JDT
(Std Lukas, 8.15 mlm)
TFC **mln** KDA
(Std Sultan Mizan Zainal Abidin, 9 mlm)

Sabtu

KL City **mln** PJ City
(Std Bolasepak Kuala Lumpur, 8.15 mlm)
Selangor **mln** Penang
(Std MBPJ, 9 mlm)

Kedudukan	P	M	S	K	J	B	Mt
JDT	9	7	2	0	25	5	23
Sabah	10	7	1	2	17	8	22
NSFC	12	5	5	2	14	8	20
Kedah	9	4	2	3	13	17	34
TFC	8	4	1	3	10	8	13
KL City	10	4	1	5	16	18	13
Selangor	8	3	3	2	21	15	12
Sarawak	11	3	1	7	11	26	10
Melaka	9	2	3	4	9	12	9
PJ City	9	2	2	4	12	18	9
Sri Pahang	11	2	2	7	13	20	8
Penang	10	1	4	5	12	18	7

arena

Serahkan semula stadium

Keadaan padang tak begitu elok sebab digunakan oleh pasukan bola sepak lain

Oleh Saiful Affendy
Sapran
saifulaffendy@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pasukan berstatus juara bertahan Piala Malaysia tetapi terpaksa meremehkan berlatih di tempat lain.

Itulah situasi berlaku kepada Kuala Lumpur City FC (KL City) yang tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya penggunaan Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur kerana tidak mempunyai kuasa penuh untuk menggunakan venue berkenaan berikutan diselenggara oleh pihak swasta iaitu Arcadin Services Sdn Bhd.

Presiden Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA), Khalid Abdul Samad berkata, itulah antara kesan besar apabila stadium berkenaan tidak diambil alih oleh KLFA atau pun KL City.

"Keadaan padang tak begitu elok sebab digunakan begitu kerap oleh pasukan bola sepak yang lain kerana pihak syarikat swasta ini nak dapatkan pendapatan, jadi dia sewakan sampai enam tujuh pasukan bermain (di stadium itu)."

"Kita (KL City) sendiri nak adakan latihan (agak) terhad, kita terpaksa adakan latihan di Padang Pudu Ulu. Pihak swasta dapat pajakan (stadium) ini untuk tujuan komersial semata-mata."



KUALA LUMPUR CITY FOOTBALL CLUB

mersial semata-mata.

"Mereka akan sewakan sebanyak mana yang mungkin. Lepas sahaja kita main dengan Tampines Rovers (di Piala AFC), esoknya mereka terus sewakan (padang) kepada pihak lain," katanya pada sidang media, semalam.

Jelas Khalid, beliau sering menerima aduan daripada ketua jurulatih KL City, Bojan Hodak yang mengeluh kerana tidak dapat menggunakan Stadium Bolasepak

Kuala Lumpur untuk tujuan latihan.

"KL City terpaksa berlatih di Pudu Ulu di mana padangnya keras dan menyebabkan kecederaan kepada pemain. Baru-baru ini Paulo (Josue) cedera. Dia kata alami kecederaan ringan tetapi bila turun beraksi terus dapat kecederaan serius."

"Bojan sudah banyak kali mengeluh. Saya tak boleh buat apa-apa sebab terlalu banyak kekangan tetapi pasukan masih dapat berikan

keputusan yang bagus," katanya.

Khalid menerusi laporan Arena Metro sebelum ini mendesak agar stadium berkenaan diserahkan semula kepada pihak berkepentingan seperti KLFA atau KL City.

Ini kerana katanya, pihak swasta yang diamanahtakan untuk menyelenggara venue berkenaan didapati gagal menunaikan tanggungjawab sebaiknya hingga menimbulkan beberapa masalah terutama ketika

saingan Piala AFC baru-baru ini.

Bagaimanapun Ketua Pegawai Eksekutif Arcadin Services Sdn Bhd, Afzal Abu Othman dalam reaksi berkata, jika stadium berkenaan tidak diuruskan dengan baik serta mempunyai masalah, Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) sudah pasti tidak membenarkan perlawanan Piala AFC di venue berkenaan.

LIGA SUPER

ESOK

Sabah **min** JDT
(Std Likas, 8.15 min)

Terengganu **min** KDA FC
(Std Sultan Mizan Zainal Abidin, 9 min)

SABTU

KL City **min** PJ City
(Std Bolasepak Kuala Lumpur, 8.15 min)

Selangor **min** Penang
(Std MBPJ, 9 min)

KEDUDUKAN

Pasukan P M S K J B Mt

JDT 9 7 2 0 25 5 23

Sabah 10 7 1 2 17 8 22

N Sembilan 12 5 5 2 14 8 20

KDA FC 9 4 2 3 13 17 14

Terengganu 8 4 1 3 10 8 13

KL City 10 4 1 5 16 18 13

Selangor 9 3 3 3 21 17 12

Melaka 10 3 3 4 11 12 12

Sarawak 11 3 1 7 11 26 10

PJ City 9 2 3 4 12 18 9

Sri Pahang 11 2 2 7 13 20 8

Penang 10 1 4 5 12 18 7

Teruskan aksi konsisten

Kuala Lumpur: Ketua Pegawai Eksekutif Kuala Lumpur City FC (KL City), Stanley Bernard mahu barisan pemain kelab itu meneruskan aksi konsisten pada saingan Liga Super sekali gus menyamai prestasi pada musim lalu.

Selepas 10 perlawanan, juara bertahan Piala Malaysia itu kini mengumpul 13 mata untuk menduduki tangga keenam liga menjelang aksi seterusnya bertemu PJ City, Sabtu ini.

"Saya rasa dari segi penguatan mata, tahun lalu kita meraih 13 mata selepas 12 perlawanan dan sekarang 13 mata selepas 10 perlawanan."

Kalau kami menang dengan PJ City, bermakna kami sudah dapat meraih 16 mata, tiga mata lebih baik daripada tahun lalu. Jika tak dapat mata, kedudukan pasukan pada saingan liga masih stabil.

"Saya pernah katakan sejak ambil tanggungjawab di sini, saya perlukan tiga tahun untuk membina kestabilan. Sekarang untuk Piala Malaysia, kita hadir selaku juara bertahan, manakala bagi saingan Piala AFC, pasukan sudah mencapai sasaran melepasi peringkat kumpulan dan harap kami mampu pergi lebih jauh lagi," katanya.

Di sebalik beberapa masalah yang dihadapi oleh skuad The City Boys termasuk tidak dapat menggunakan sepenuhnya padang di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur untuk tujuan latihan, Stanley tetap berpuas hati dengan prestasi mereka.

"Saya dapat membentuk pasukan kuat, bilik persalinan yang baik, begitu juga jurulatih. Saya rasa, dalam konteks itu kami sudah menunjukkan peningkatan. Sebab itulah prestasi di atas padang masih stabil," katanya.

'Battle of The Real Warriors' terpaksa dibatalkan

Kuala Lumpur: Ibarat kena 'scam' apabila aksi persahabatan membabitkan Kelantan FC serta PSPS Riau yang sepatutnya berlangsung kelmarin di Stadium Utama Riau, Pekanbaru terpaksa dibatalkan susulan dakwaan tuntutan bayaran sebanyak 40 juta rupiah (RM11,800) oleh pihak polis.

Lebih mengecewakan ialah tuntutan itu hanya diminta kira-kira satu jam sebelum berlangsungnya perlawanan sekali gus menyebabkan pemilik kedua-dua kelab itu, Norizam Tukiman tidak dapat memenuhi tuntutan berkenaan.

Norizam berkata, segala persiapan sudah dilakukan oleh kedua-

dua pasukan menjelang perlawanan 'Battle of The Real Warriors' itu, namun atas halangan berkenaan, ia akhirnya terpaksa dibatalkan.

"Satu jam sebelum perlawanan, koordinator pasukan diminta pergi ke Polresta (Balai Polis Pekan Baru) dan diminta wang sebanyak 40 juta rupiah. Kalau tak diberikan wang itu, perlawanan akan dibatalkan. Jadi itulah masalahnya," katanya.

PSPS Riau menerusi satu kenyataan berkata, sebelum ini pihak kelab sudah pun mengemukakan surat meminta izin untuk mengadakan perlawanan itu yang sudah diluluskan oleh pihak polis pada 8 Julai lalu.

Norizam berkata, pihaknya akan memberikan kema-



AKSI persahabatan membabitkan Kelantan FC serta PSPS terpaksa dibatalkan.

sukan percuma kepada penyokong kedua-dua pasukan yang sudah pun membeli tiket sekiranya perlawanan itu dapat dilangsungkan semula selepas ini.

"Saya hendak beritahu

kepada semua penyokong yang datang ke stadium membeli tiket secara dalam talian atau membeli di stadium, jika isu 40 juta rupiah ini selesai dan kami tidak dikenakan bayaran, maka

kami akan mengadakan semula perlawanan persahabatan ini.

"Insya-Allah kita akan memberikan (kemasukan) percuma kepada semua supaya mereka dapat menonton perlawanan persahabatan ini. Jadi sekali lagi mengenai pembatalan perlawanan ini bukan kehendak saya selaku pemilik kedua-dua kelab tapi atas desakan polis yang meminta 40 juta rupiah."

"Saya menerima panggilan untuk perlawanan diteruskan tetapi saya risau mereka (polis) meminta wang 40 juta rupiah selepas tamat perlawanan. Jadi saya rasa baiklah kita tangguhkan dahulu untuk dapatkan penjelasan isu ini," katanya.